

**PAS Akan Jumpa JAIS Dan Pihak Gereja Untuk Bincang Isu Serbuan Bernama August 07, 2011**

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Jawatankuasa PAS Pusat memutuskan untuk mengadakan pertemuan dengan pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Gereja Methodist Damansara Utama (DUMC) dalam masa terdekat bagi membincangkan isu serbuan terhadap gereja itu Rabu lepas.

Presiden PAS Datuk Seri Hadi Awang berkata perjumpaan itu perlu diadakan bagi mendapatkan penjelasan daripada kedua-dua belah pihak sebelum mereka menyatakan pendirian berhubung serbuan tersebut.

"Untuk memastikan kita bersikap adil, kita akan terus berjumpa dengan JAIS dan pihak gereja (DUMC) bagi mendapatkan 'maklumat' tentang apa sebenarnya yang berlaku pada serbuan tersebut," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat bulanan parti itu di ibu pejabat PAS di sini Ahad.

Pada mesyuarat itu, Exco kerajaan negeri Selangor Datuk Dr Hassan Mohd Ali turut hadir bagi menjelaskan kenyataan beliau sebelum ini yang mempertahankan tindakan JAIS yang melakukan serbuan di gereja tersebut.

Bagaimanapun, Dr Hassan terus beredar pulang sebelum sidang media itu diadakan.

Beberapa pemberita yang menunggu sempat mengejar beliau dan cuba mendapatkan komennya berhubung isu tersebut namun beliau tidak dapat memberikan sebarang komen ekoran arahan Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang melarang semua Exco membuat kenyataan mengenai isu itu.

Abdul Hadi berkata Setiausaha Agung PAS Datuk Mustapa Ali akan menguruskan pertemuan tersebut termasuk mencari tarikh serta lokasi yang sesuai.

Rabu lepas JAIS menyerbu gereja itu di Petaling Jaya selepas mendapat maklumat bahawa terdapat kehadiran orang Islam pada majlis makan malam yang diadakan di situ.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=606507>